

Kerajaan tidak sedang turunkan nilai ringgit.

BH 13 JAN 2002

Oleh WAM HAZMIR BAKAR

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak bercadang menurunkan nilai ringgit yang kini ditambat pada RM3.80 bagi setiap dolar Amerika Syarikat seperti yang dilaporkan akhbar.

Sambil menafikan beliau ada membuat kenyataan seumpama itu, Perdana Menteri berkata, beliau hanya menyatakan bahawa negara akan menyemak semula nilai ringgit jika berlaku penurunan nilai mata China kerana kejatuhan nilai mata wang Jepun.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, nilai ringgit pada paras sekarang memuaskan dan

tidak menyulitkan mana-mana pihak.

"Saya nak beri penjelasan mengenai laporan akhbar yang mencadangkan kita menurunkan nilai mata wang kita. Apa yang saya katakan ialah apabila yen jatuh dan China mengurangkan nilai mata wang mereka, kita perlu semak. Menyemak tidak bermakna kita akan turunkan.

"Tolong betulkan laporan itu, jangan katakan saya kata kita akan menurunkan nilai ringgit. Ringgit biasa saja dan tidak mendatangkan masalah untuk sesiapa," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas melawat perkhidmatan Express Rail Link (ERL) yang meng-

hubungkan KL Sentral di ibu negara dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengerusi Eksekutif Express Rail Link Sdn Bhd, Datuk Mohd Nadzmi Mohd Salleh.

Menjelaskan dasar kewangan negara, Dr Mahathir berkata Malaysia hanya akan mempertimbangkan perubahan nilai ringgit jika mata wang jiran naik atau turun sehingga 20 peratus dan kekal pada tahap itu.

"Pendirian kita ialah jika nilai mata wang negara jiran kita menurun sebanyak 20 peratus atau naik 20 peratus dan ia kekal pada

tahap itu, maka kita mungkin mempertimbangkan untuk mengubah nilai mata wang kita," katanya.

Mengenai keganasan Israel yang semakin berleluasa di Semenanjung Gaza, Perdana Menteri berkata Malaysia hanya boleh membantah tindakan Israel dan tidak dapat berbuat banyak untuk menghentikan serangan itu.

"Masalahnya ialah selagi mereka yang berkuasa tidak mengambil tindakan. Kita hanya dapat duduk dan lihat," katanya.

Ditanya sama ada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) harus mengambil tindakan terhadap Israel, beliau berkata: "Ia lebih kurang macam itulah."